

Headline	Dunia iktiraf pendekatan Malaysia pulih penagihan dadah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	18	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,503



Dunia iktiraf pendekatan Malaysia pulih penagihan dadah

Kuala Lumpur: Badan dunia mengiktiraf pendekatan Malaysia dalam melaksanakan usaha pemulihan penagihan dadah, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata badan dunia seperti Pejabat Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC), Program Bersama PBB mengenai HIV/AIDS (UNAIDS) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dengan pembasmian dadah telah memberi pengiktirafan itu berdasarkan transformasi yang dilaksanakan dan kejayaan yang dikecapi.

Katanya negara turut mendapat pujian daripada badan dunia apabila dilihat sebagai satu-satunya kerajaan di dunia yang memberi sokongan penuh kepada usaha membasmi penagihan dadah dalam negara.

"WHO misalnya memberikan penghargaan dan pujian terhadap pendekatan 'Pulih dan Prihatin' Malaysia dalam Laporan "Good Practices In Asia: Effective Paradigm Shifts Towards Improved National Response To Drug & HIV/AIDS" yang dikeluarkan pada awal tahun lalu," katanya dalam perutusan sempena Hari AntiDadah Antarabangsa (HADA) 2013 di sini, semalam.

Tema sambutan HADA pada tahun ini ialah 'Sukarelawan Bukan Pilihan, Ia Satu Tanggungjawab'. Ia disambut pada setiap 26 Jun, yang telah diisytiharkan sebagai Hari Antidadah An-

tarabangsa.

Najib berkata, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) telah bertindak proaktif dengan mengambil pendekatan yang diberi nilai tambah ke arah perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara terbuka dan sukarela dalam mengharungi era globalisasi yang semakin mencabar.

Katanya penyampaian perkhidmatan AADK telah ditransformasikan dengan mewujudkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan terkini seperti Klinik Cure & Care Malaysia, Cure & Care Service Centre, Caring Community House (CCH), Cure & Care Vocational Centre (CCVC) dan Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC).

"Transformasi yang bermula pada 2010 telah menunjukkan impak positif dengan kehadiran terkumpul klien secara sukarela seramai 29,498 orang di 11 buah Klinik Cure & Care Malaysia.

"Klien yang hadir mendapatkan perkhidmatan di 52 Cure & Care Service Centre telah mencecah sejumlah 575,443 orang sehingga 30 April lalu," katanya.

Menurutnya CCH ialah pusat aktiviti kemasyarakatan dikendalikan sepenuhnya komuniti setempat yang bertindak sebagai pusat penyebaran maklumat anti-dadah manakala CCVC dibangunkan untuk membantu penagih dan pengguna dadah mendapatkan perkhidmatan latihan kemahiran, penempatan pekerjaan dan pengembangan kerjaya.

